

No. Soalan: 50
PN-1361-L05554

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : **12 MAC 2018**

SOALAN : **Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan adakah benar bahawa China
hampir selesai menubuhkan Kepulauan
Spratly sebagai pangkalan
ketenteraannya, walaupun terhadap
perjanjian ASEAN pada tahun 2002 yang
tidak membenarkan sedemikian. Adakah
Malaysia mempunyai tuntutan keatas
pulau itu.**

129

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada YB Batu atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara umumnya, isu Laut China Selatan melibatkan dua aspek:-

Pertama, keperluan memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and over-flight*.

Kedua, tuntutan bertindih melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam serta China.

3. Pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua tuntutan dan penyelesaiannya hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau *UNCLOS* 1982.

4. Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah *United Nations Convention on Law of the Sea (UNCLOS)* 1982.

5. Malaysia seterusnya percaya bahawa pendekatan menghindari tindakan provokasi, atau dengan izin *self restraint* oleh semua anggota negara penuntut dan China, adalah penting untuk mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002, bertujuan untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan.

7. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

8. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang berusaha untuk mewujudkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea (COC)*. Berhubung dengan perkara ini, *Framework of the COC* yang mengandungi elemen-elemen *COC* telah dimuktamadkan. *Framework* ini akan menjadi asas kepada perundingan di antara negara-negara ASEAN dan China berhubung pewujudan *COC*.

9. Malaysia menjangkakan *COC* yang sedang dirundingkan akan berperanan sebagai "*rules-based framework*" yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang berkaitan dalam melaksanakan apa jua aktiviti di Laut

131

China Selatan. Sayugia saya nyatakan bahawa *DOC* serta *COC* yang sedang diusahakan bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Berhubung dengan penempatan tentera oleh pihak China, saya ingin maklumkan bahawa penempatan tentera ini di Laut China Selatan tidak melibatkan kawasan maritim Malaysia. Oleh yang demikian pada hemat saya, ia tidak memberikan kesan secara langsung kepada kepentingan dan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, tindakan China berpotensi meningkatkan ketegangan serantau dan mengubah dinamik geopolitik di kawasan Laut China Selatan.

11. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Segala isu akan diteliti dari segenap aspek dan sebarang tindakan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

12. Saya ingin tegaskan bahawa isu Laut China Selatan adalah kompleks dan melibatkan hubungan antara negara. Saya juga ingin tegaskan bahawa dalam apa jua keadaan, Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.